

Analisis Diri

1. Adakah anda berasakan anda hebat dan disayangi bos sebagai seorang setiausaha? Berikan alasan.

YA / TIDAK

Alasan:

2. Pada pandangan anda, apakah tiga langkah utama yang perlu anda lakukan sekarang bagi memastikan anda akan menjadi setiausaha yang hebat (atau lebih hebat) dan disayangi bos?

- 1.
- 2.
- 3.

Stail Bos Saya

Arahan : Bulatkan satu yang sangat menjelaskan keadaan bos anda.

Berdasarkan pengamatan saya, bos saya:

- Adalah sangat teruja dengan

Hasil	Hubungan	Alasan	Proses/Prosedur
-------	----------	--------	-----------------

- Mementingkan sesuatu yang

Segera	Keseluruhan	Signifikan	Terperinci
--------	-------------	------------	------------

- Menyukai peranan sebagai

Berkuasa	Koordinator	Penyelesai Masalah	Penganalisis
----------	-------------	--------------------	--------------

- Nilai pada orang yang dihargainya

Praktikal	Kerja Pasukan	Inovasi	Terperinci
-----------	---------------	---------	------------

- Umumnya, menggunakan stail pengurusan

Autokratik	Demokratik	Kerja sendiri	Sistematik
------------	------------	---------------	------------

- Mementingkan hasil kerja orang lain melalui

Hasil output	Kerja pasukan	Idea	Prosedur
--------------	---------------	------	----------

Lihat setiap bahagian yang melebihi yang lain bagi penentuan stail personaliti bos anda

Focuser **Relater** **Integrator** **Operator**

Kajian Kes 1

Dilema Amelia & PM. Dr. Haji 'Singa Berantai'

Amelia adalah seorang setiausaha kepada Prof. Madya Dr. Haji Karisman, Dekan, Fakulti Seni Bina dan Tatahias Laman, Universiti Puteri Malaysia (UniPUT). Amelia telah bekerja selama lebih kurang dua tahun di bawah PM Dr. Haji Karisman, namun sejak tempoh tersebut, Amelia sentiasa berasa takut dan tidak selesa apabila ingin ke pejabat.

PM Dr. Haji Karisman adalah seorang yang dianggap 'sangat garang' oleh semua wargakerja Fakulti dan ada yang melabelkan beliau sebagai 'singa berantai' yang sentiasa marah dan ingin menerkam. Semua kerja Amelia akan pasti ditegur dan dibahaskan oleh PM Dr. Haji Karisman, namun Amelia tetap akan mengikut segala arahan dan melaksanakan tugasannya secara yang diarahkan oleh PM Dr. Haji.

Walaupun begitu, Amelia berasa risau akan kedudukannya di Fakulti tersebut, kerana dia merasakan bahawa PM Dr. Haji Karisman tidak begitu suka dengan cara kerjanya jika dibandingkan dengan Puan Normah yang telah bersara dua tahun lalu (Amelia mengambil tempat Puan Normah). Sehingga hari ini, PM Dr. Haji Karisman akan sentiasa membuat perbandingan kerja Amelia dengan kerja Puan Normah tersebut. Ada beberapa situasi Amelia berasa sangat tersinggung.

Amelia ada ketikanya berasa sangat tertekan, namun dia tidak pernah terfikir untuk berhenti kerja, memandangkan dia sangat memerlukan kerja tersebut bagi menampung hidupnya sebagai ibu tunggal dengan 3 orang anak yang masih bersekolah.

Amelia pernah dinasihatkan oleh rakan sepejabatnya untuk berjumpa dengan PM Dr. Haji Karisman bagi mencari penyelesaian perkara ini, namun PM Dr. Haji Karisman adalah seorang yang sentiasa sibuk dengan urusan hariannya, kajian lapangan dan telah beberapa kali 'menolak' permintaan Amelia untuk berbincang. Malahan Amelia pernah ditengking beberapa kali dalam hal ini.

Anda sebagai rakan seperjuangan Amelia di UniPUT yang sangat prihatin dengan perkembangan dan masalah yang dihadapi Amelia. Apakah nasihat yang akan anda berikan kepada Amelia dalam hal ini? Bentangkan hasil perbincangan anda.

...drtenama/dtec/upm/SygBos2017...